

Lagi kampus UiTM Perak

MM 13/8/06 CMS 14)

TAPAH 12 Ogos - Kementerian Pengajian Tinggi menetapkan kampus kedua Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak yang mampu menampung 8,000 pelajar akan dibina di Tapah.

Kampus ini juga akan dijadikan Pusat Penyelidikan Bioteknologi yang pertama, Fakulti Sains Guanauan UiTM.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamad berkata, projek pembangunan kampus kedua dan menjadi cawangan UiTM terbesar di Malaysia itu akan dimulakan tahun depan dengan peruntukan awal RM30 juta.

"Kita belum tetapkan jumlah peruntukan keseluruhan untuk mem-

bina kampus ini tetapi ia akan dijalankan secara berperingkat dan dijangka siap sehingga tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

"Pembinaan kampus ini juga adalah sebahagian daripada sokongan Kerajaan Pusat untuk menjadikan Perak sebagai Taman Ilmu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Tapah di sini hari ini.

Mustapa berkata, kementeriannya juga akan membesaraskan Kampus UiTM Seri Iskandar yang mampu menampung pertambahan pelajar sehingga 8,000 orang.

Katanya, kampus itu akan diperbesarkan dengan keluasan se-

hingga 280 hektar dari yang ada sekarang.

Pada masa ini Kampus UiTM Seri Iskandar mempunyai kapasiti 6,000 pelajar dengan mempunyai enam fakulti.

Beliau berkata, kerajaan bersehubungan untuk memperuntukkan RM-28 juta bagi program pembesaran ini yang dijangka dimulakan tidak lama lagi.

Menurutnya, apabila siap ia akan mempunyai bangunan pusat pelajaran, pusat sukan dan pelbagai kemudahan lain.

"Semua kemudahan ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang sedang dilaksanakan," katanya.